

"Adakah film komedi mampu menyentuh isu-isu sosial tanpa mengabaikan aspek sinematik dan plotnya?" Ini pertanyaan yang menghantui sebelum menonton film ini. Setelah menyaksikannya, saya dengan yakin mengatakan, *La Luna* berjaya menjawabnya dengan cemerlang.

*La Luna* merupakan sebuah film yang menceritakan tentang liku-liku perjuangan seorang wanita bandar bernama 'Hanie' (diperankan oleh Sharifah Amani) dalam upaya membuka sebuah kedai pakaian dalam wanita di Kampung Bras Basah. Terdapat pelbagai persoalan yang berjaya diketengahkan seperti isu masyarakat konservatif, kepemimpinan autoritarian, dan hak-hak kaum wanita. Persoalan-persoalan yang tabu ini diutarakan kepada penonton melalui film yang diisi oleh canda, tawa dan duka sepanjang film.

Kampung Bras Basah digambarkan sebagai sebuah kampung yang konservatif dalam menjalankan ajaran agama. Kampung ini menerbitkan peraturan-peraturan demi menciptakan masyarakat kampung yang beriman dan taat dalam menjalankan ibadah. Salah satu adegan lucu dalam film ini adalah bagaimana penduduk kampung perlu menconteng wajah-wajah wanita dalam majalah-majalah fesyen sebelum dijualbelikan. Aksi penduduk kampung ini menunjukkan betapa anehnya tindakan penduduk kampung demi menjaga keimanan masyarakat dan nilai-nilai agama di kampung tersebut. Meskipun peraturan kampung memiliki tujuan yang mulia, peraturan-peraturan ini seperti menghadkan kebebasan masyarakat dan mengikis masuknya ilmu yang mungkin dianggap melencong dari ajaran agama. Akibatnya, masyarakat kampung seperti terkekang dan enggan untuk meneroka hal-hal baru yang mungkin bermanfaat bagi mereka. Namun seiring berjalannya cerita, kita dapat melihat bagaimana penduduk kampung berhasil mempertahankan nilai-nilai agama dalam kampung namun juga menjadi terbuka untuk menerima perubahan di kampung mereka. Meskipun peraturan-peraturan menjadi longgar di akhir cerita, perkara ini tidak mengikis iman penduduk Kampung Bras Basah sekalipun.

Kepemimpinan autoritarian yang ditunjukkan oleh 'Tok Hassan' (diperankan oleh Wan Hanafi Su) merupakan mimpi buruk bagi penduduk kampung. Beliau seperti memiliki kuasa penuh dalam memimpin kampung dan begitu disegani oleh penduduk lainnya. Tok Hassan beranggapan bahawa dengan adanya kedai 'La Luna' di kampung tersebut, hal ini dapat melunturkan keimanan masyarakat. Meskipun anggapan beliau telah dibantahi oleh jawatankuasa kampung, beliau tetap keras kepala untuk menutup kedai 'La Luna'. Lantas, 'Tok Hassan' pun melakukan berbagai tindakan di luar kuasanya

sebagai ketua kampung dan bahkan rela melakukan tindakan-tindakan di luar nalar manusia seperti memberi rasuah. Watak 'Tok Hassan' merupakan gambaran sebenar tentang para pemimpin di dunia nyata yang menggunakan kekuasaan mereka demi mencapai matlamat yang ingin diraih. Isu tentang ketempangan kekuasaan merupakan satu isu penting yang diketengahkan dalam filem ini menerusi watak 'Tok Hassan'.

Kedai 'La Luna' dalam filem ini merupakan simbol benteng kaum wanita dalam perjuangan hak mereka. Di kampung Bras Basah, wanita memiliki hak-hak yang terbatas dalam menentukan peraturan kampung. Kaum wanita bahkan tidak menghadiri pertemuan jawatankuasa kampung. Peran kaum wanita hanya sebatas suri rumah tangga yang mengurus rumah dan mendidik anak mereka sahaja. Dengan adanya kedai 'La Luna', kaum wanita di Kampung Bras Basah dapat mengekspresikan diri mereka secara terbuka. Kedai ini diibaratkan sebagai sumber kekuatan dan keberanian bagi kaum wanita yang tinggal di kampung yang serba sistem kepemimpinan patriarki. Perkara ini sangat ketara di adegan saat watak 'Yam' (diperankan oleh Nadiya Nissa) memilih kedai 'La Luna' sebagai tempat pelarian daripada suami bejatnya. Dengan adanya 'La Luna', kaum wanita di kampung menjadi sedar akan kekuatan mereka sebagai seorang wanita. Mereka bahkan berani untuk mendesak para suami mereka untuk menentang gagasan 'Tok Hassan' menutup kedai itu. Seperti mana yang dikatakan oleh 'Hanie', 'La Luna' bagai sinar harapan untuk para wanita dalam memperjuangkan hak-hak yang selayaknya mereka raih.

Kesimpulannya, "La Luna" bukan saja sebuah filem yang memukau dari segi sinematik, tetapi juga merupakan sebuah gambaran sebenar tentang masyarakat kita pada masa sekarang. Filem ini telah mengimbangkan penerokaan isu-isu sosial yang mendalam dengan unsur komedi. Melalui perjalanan 'Hanie' dan penubuhan 'La Luna,' filem ini menyelami isu-isu yang dianggap tabu dalam suasana yang konservatif, menyinari perjuangan menentang kepemimpinan autoritarian dan batasan terhadap hak wanita. Penggambaran nilai-nilai konservatif Kampung Bras Basah, bertentangan dengan ketabahan penduduknya, menyoroti keseimbangan halus antara tradisi dan kemajuan. 'La Luna' menjadi lambang pemberdayaan wanita, memberi platform untuk ungkapan dan perpaduan di hadapan norma patriarki. Pada akhirnya, filem ini dengan cekap menunjukkan bahwa komedi mampu menjadi medium yang kuat untuk meneroka kompleksiti sosial tanpa mengorbankan kecemerlangan sinematik atau integriti naratif.

Tidak elok rasanya apabila kita telah mendedah filem ini tanpa menyebutkan tentang sosok Raihan Halim; sang penulis dan sutradara dari filem ini. Beliau bukan saja berhasil menciptakan sebuah filem yang menampar realita masyarakat kita pada hari ini tetapi beliau juga berhasil menyuarakan pandangan golongan masyarakat yang berjuang melawan penindasan. Layaknya papan tanda 'La Luna' yang senantiasa menjadi sinar harapan bagi para kaum wanita di Kampung Bras Basah, filem 'La Luna' telah memainkan peranan yang penting dalam menyuarakan suara mereka dan memberi inspirasi untuk menegakkan keadilan.

Semoga dengan adanya filem-filem seperti ini, kita dapat terus mengukuhkan kefahaman dan menggalakkan perbincangan dalam masyarakat tentang isu-isu ketempangan sosial. Lantas, kita dapat merangka landasan yang lebih inklusif dan adil bagi setiap individu, terutamanya para wanita yang sering kali dipinggirkan.